



Adam Sanitary
Services Sdn Bhd (1234567-A)



PROFIL KORPORAT

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN 4

LATAR BELAKANG 6

CARTA ORGANISASI 8

PERKHIDMATAN KAMI 10

ASET KAMI 12

PELANGGAN UTAMA 14

**MAKLUMAT
KORPORAT** 19



- P** **Positive Mental Attitude (Pemikiran yang positif)**
- O** **Operation Excellent (Kecermelangan operasi)**
- S** **Sense of Urgency (Keprihatinan tindakan segera)**
- I** **Integrity (Kejujuran)**
- T** **Team Work (Kerja berpasukan)**
- I** **Innovation (Inovasi)**
- V** **Versatile (Kecekapan dalam pelbagai bidang)**
- E** **Excellent Customer Relation (Khidmat pelanggan Cemerlang)**

VISI,MISI DAN OBJEKTIF

VISI

Menjadi penyedia perkhidmatan pembersihan terkemuka di Malaysia dengan fokus kepada kelestarian alam sekitar dan inovasi teknologi.

MISI

Menyediakan perkhidmatan pembersihan profesional yang berkualiti kepada pelanggan kami, menjana peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi setempat serta menjaga hubungan kerjasama yang kukuh dengan pelanggan.

OBJEKTIF

- +Menyediakan dan meningkatkan produktiviti serta kualiti dalam operasi perkhidmatan pembersihan dan kutipan sisa pepejal
- +Meningkatkan kepuasan pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan yang cekap dan profesional
- +Meningkatkan keuntungan syarikat melalui pertumbuhan dan pembangunan perniagaan
- +Meningkatkan peluang pekerjaan dan membangunkan ekonomi di kalangan komuniti bumiputera serta mewujudkan budaya organisasi yang positif

KECEMERLANGAN MELALUI KUALITI

POLISI KUALITI SYARIKAT

Kami sepenuhnya komited di dalam Visi kami untuk menjadi syarikat bekalan dan perkhidmatan yang menjadi pilihan pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan dan bekalan yang berkualiti dengan mewujudkan suasana persekitaran yang bersih dan sihat melalui:

- + Komitmen terhadap peningkatan berterusan Sistem Pengurusan Kualiti.
- + Komitmen dalam memenuhi kehendak dan keperluan semasa.
- + Komitmen terhadap kepuasan pelanggan yang menyeluruh.

Kami memahami dan secara tidak langsung menyedari tanggungjawab terhadap Polisi Kualiti dan akan menjalankan tugas kami berdasarkan Sistem Pengurusan Kualiti untuk memenuhi kepuasan pelanggan.

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Malaysia 1994 mewajibkan syarikat untuk menyediakan dan memelihara suasana bekerja yang selamat, sihat dan bersih. Untuk itu, kami sentiasa berusaha untuk memupuk kesedaran tentang pentingnya keselamatan dan kesihatan kepada pekerja dan pelanggan kami. Kami

berusaha untuk:

- Menjamin semua premis / tempat dan sistem bekerja adalah selamat dan tidak membahayakan kesihatan.
- + Menyediakan kemudahan asas dan peralatan supaya pekerja dapat menjalankan tugas harian mereka dengan selamat.
- + Sentiasa memastikan bahawa pekerja + diberikan maklumat, arahan dan latihan yang mencukupi tentang bagaimana cara untuk bekerja dengan selamat dan tidak membahayakan kesihatan dengan kerjasama daripada semua pihak.

Polisi ini akan menjadi panduan kepada semua untuk mengukuhkan dan mempraktikkan budaya kerja yang selamat dan tidak membahayakan kesihatan dengan kerjasama daripada semua pihak.

LATAR BELAKANG



Adam Sanitary Services Sdn.Bhd. adalah sebuah syarikat Sendirian Berhad dan telah ditubuhkan pada 15 hb. Januari 1986 di Kuala Lumpur. Adam Sanitary Services Sdn. Bhd. juga adalah sebuah syarikat bertaraf Bumiputera sepenuhnya. Syarikat pada dasarnya sudah beroperasi selama 38 tahun dalam kerja-kerja pembersihan di kawasan perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kerja-kerja pemungutan, pengangkutan dan pembuangan sampah, penjagaan rumput dan pemotongan rumput. Kerja-kerja menyapu jalan, menyapu kawasan awam, mencuci longkang dan pembersihan pokok tumbang dan sekah di sekitar kawasan Kuala Lumpur.

Pada masa kini syarikat kami mempunyai Modal Berbayar sebanyak RM1,500,000 dan Modal dibenarkan sebanyak RM1,500,000 dan akan ditambahkan dari semasa ke semasa.



Adam Sanitary
Services Sdn Bhd (1234567-A)



ILTIZAM KAMI.

Syarikat kami telah mempunyai banyak pengalaman menjalankan kerja-kerja kontrak dengan pihak DBKL dan Alam Flora Sdn.Bhd. Oleh yang demikian, Syarikat kami berkemampuan untuk beroperasi di seluruh negara terutama bagi kerja kontrak pembersihan dan yang berkaitan dengannya.

CARTA ORGANISASI

We are a team of dynamic individuals with a passion and depth in their respective areas of expertise.

Our dedicated employees bring energy, fresh ideas and pride to their work.

We view our culture as a competitive advantage and strive to create an environment where smart, motivated and creative people succeed.

We think big and work hard. We strive for excellence.



WAN TEH MAJID

PENGARAH URUSAN



**NAJMIN BINTI
MD ADAM**

PENGURUS BESAR



**MUHAMMAD FAIZ
BIN MD ADAM**

PENGURUS OPERASI



**NADHRAHTUL ADAWIYAH
BINTI MD ADAM**

PENGURUS KEWANGAN



**SHAH HAZWAN HAZIM
BIN SHAHIZAD**

PENYELIA OPERASI



**FARAH WAHIDA
BT ARIFFIN**

KERANI PENTADBIRAN

OUR TEAM

Pasukan kami berkelayakan tinggi dengan ilmu pengetahuan tentang kerja-kerja penyelenggaraan yang mempunyai lebih daripada 62 tahun pengalaman. Sebagai kontraktor pelupusan sisa pepejal yang diiktiraf sepenuhnya dan berlesen, kami telah meletakkan diri kami sebagai pakar dalam industri pengurusan sisa untuk menawarkan perkhidmatan pelupusan sisa yang dipercayai dan cekap dalam melakukan tugas di seluruh wilayah Lembah Klang.

Kami berbangga dengan profesionalisme dan perkhidmatan pelanggan. Kakitangan kami yang berpengalaman sentiasa bersedia untuk membantu anda sepanjang masa 365 hari setahun. Kami komited untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan tahap terbaik mungkin dan berdedikasi untuk membantu anda mencari penyelesaian pengurusan sisa yang betul untuk perniagaan anda. Kami akan bekerjasama dengan anda setiap langkah untuk memastikan keperluan anda dipenuhi. Kami berbangga dengan responsif kami, dan kami sentiasa bersedia untuk menjawab sebarang soalan atau menangani sebarang kebimbangan yang anda ada.



PERKHIDMATAN KAMI

PENGURUSAN SISA PEPEJAL (SAMPAH)

Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal meliputi pengumpulan, pengangkutan dan pelupusan sampah ke tapak pelupusan yang dibenarkan oleh Kerajaan. Pengestoran sampah akan dibuat dengan penggunaan tong sampah seperti MGB 120 liter, MGB 240 liter, MGB 660 liter, Leach Bin, Roro Bin, Stationary Compactor dan sebagainya. Penggunaan kenderaan seperti compactor, Roll on-Roll off dan lori terbuka (Open Lorry) akan digunakan untuk tujuan tersebut. Kategori sampah yang diberikan perkhidmatan adalah seperti berikut:

+ Sampah domestik + Sampah kebun + Sampah pukal + Sampah industri + Sampah institusi + Sampah haram.

LANDSKAP

Penyelenggaraan landskap meliputi kerja-kerja pengemburan tanah, merumput, menyiram, mencantas, mengandam, membersihkan longkang, membuang pokok tumpang, meracun serangga dan kulat, membuang lumut dan karat serta pembajaan supaya kawasan penyelenggaraan sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas. Perkhidmatan sampingan adalah seperti projek landskap, penyelenggaraan dan rekabentuk landskap, bekalan pokok, peralatan landskap dan pasu.





PEMBERSIHAN

Perkhidmatan pembersihan yang diberikan akan menggunakan tenaga kerja, peralatan dan kenderaan yang bersesuaian dengan keadaan kawasan yang hendak dibersihkan seperti pengguna Vacc-all, Road Sweeper dan sebagainya. Perkhidmatan ini meliputi:

+ Pembersihan jalan dan lebuh raya + Pembersihan longkang dan 'culvert' + Pemotongan rumput + Pembersihan pasar dan pusat penjaja + Pembersihan bangunan + Pembersihan taman + Pembersihan pantai + Pembersihan tandas + Pembersihan kawasan 'special event'.



PEMBINAAN CIVIL

Pembinaan Civil yang ditawarkan adalah meliputi kerja-kerja mengubahsuai dan menaik taraf sesuatu jalan atau bangunan seperti berikut:

+ Mengubahsuai rumah atau bangunan + Mengecat bangunan + Sistem perparitan/longkang + Sistem perpaipan + 'Road marking' + Pendawaian elektrik + Sistem kumbahan + Pembaikan tandas dan bumbung.



ASET KAMI

KELENGKAPAN MENYELURUH



Kami menyediakan peralatan dan aset yang lengkap untuk menjalankan perkhidmatan yang ditawarkan.

Berikut Adalah Antara Alat Kelengkapan Dan Aset Semasa Milik Syarikat



Van	3 Unit	Lori Compactor	8 unit
Blower	9 Unit	Lori Water Jetter	1unit
Mesin Rumput	5 Unit	Kenderaan Pikap	1unit
Lori (Open/Roro)		8unit	

PELANGGAN UTAMA

Alamflora
Appreciating LIFE

ALAM FLORA



DBKL

EXCEEDING EXPECTATION



Antara kerja-kerja yang diperolehi oleh kami daripada pelanggan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Alam Flora Sdn Bhd sebelum ini sebagai rujukan.:

Bil	Tajuk Kontrak	Pelanggan	Tempoh Kontrak	Jumlah Kontrak
1	Kerja-kerja Pemungutan dan Pembuangan Sampah Sarap Dari Pusat-pusat Tong Di Kawasan M Kuala Lumpur Selatan.	DBKL	31.12.2001-1.1.1991	RM 5,148,864
2	Kerja-kerja Segera Pembersihan Pokok Tumbang dan Sekah di Jalan Damansara / Taman Tun Dr. Ismail.	DBKL	1.6.1994-27.7.1992	RM 235,680
3	Kerja-kerja Segera Pembersihan Pokok Tumbang dan Sekah Di Persiaran Damansara Indah/Jalan Setiapuspa.	DBKL	1.6.1994-28.7.1992	RM 234,960
4	Kerja-kerja Segera Untuk Penebangan 1 Batang Pokok Merbahaya dan Kerja-kerja berkaitan di Kampong Melayu Jalan Lembah Tunku, Kuala Lumpur	DBKL	1.6.1994-29.7.1992	RM 356,400
5	Kerja-kerja Pemotongan Rumput Dan Kerja-kerja berkaitan di Taman-taman Perumahan Kawasan E Kepong.	DBKL	31.12.1995-1.1.1994	RM 320,400
6	Kerja-kerja Pemungutan dan Pembuangan Sampah Sarap, Kerja- kerja Menyapu Jalan, Menyapu Kawasan Awam, Mencuci Longkang serta Kerja-kerja Memotong Rumput Di Pakej A Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.12.2001-1.1.1996	RM 6,743,732
7	Kerja-kerja Pengurusan dan Penjagaan Rumput dan Kerja-kerja berkaitan (97/31)	DBKL	31.12.2000-1.1.1998	RM1,920,000
8	Kerja-kerja Perkhidmatan Pembersihan Apartment Putra Ria Vista Angkasa, Kondo Rakyat, Kuala Lumpur. Pakej B – Rumah Jual.	DBKL	28.2.2001-1.2.1998	RM 1,069,452
9	Kerja-kerja Pemotongan Rumput Di Tempat-tempat Awam Kuala Lumpur	DBKL	28.2.2004-1.2.2001	RM 1,404,000
10	Kerja-kerja Perkhidmatan Pembersihan Kawasan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pakej D – Rumah Jual. Sri Langkawi 1 Fasa 3B, Sri Langkawi 1 Fasa 1B, Gombak 2, Setapak Jaya 1B, Sri Tioman 2, Keramat Jaya 1 (2000/A123)	DBKL	28.2.2004-1.3.2001	RM 947,099

Bil	Tajuk Kontrak	Pelanggan	Tempoh Kontrak	Jumlah Kontrak
12	Kerja-kerja Perkhidmatan Perlupusan dan Pembuangan Sampah	Alam Flora Sdn. Bhd.	30.9.2016-1.10.2006	RM 27,294,840
13	Kerja-kerja Pembersihan Kawasan sekitar Taman Tun Dr Ismail	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2013-1.9.2011	RM 2,616,550
14	Kerja-kerja pembuangan sampah di sekitar Taman Tun Dr Ismail dan Cheras	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2018-1.9.2011	RM 2,942,129
15	Kerja-kerja Pembersihan kawasan sekitar Taman Tun Dr. Ismail (Skim 11.5)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.3.2017-1.1.2016	RM 5,598,368
16	Kerja-kerja kutipan sekitar Taman Tun Dr. Ismail (Skim 15&13)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.3.2017-1.1.2016	RM 3,987,563
17	Kerja-kerja Pembersihan kawasan sekitar Taman Tun Dr. Ismail (Skim 11.5)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.1.2020-1.4.2017	RM 8,136,344
18	Kerja-kerja Kutipan sekitar Taman Tun Dr. Ismail (Skim 15&13)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2018-1.4.2017	RM 3,198,406
19	Kerja-kerja Kutipan sekitar Taman Tun Dr. Ismail (Skim 15&13)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2020-1.9.2018	RM 5,590,631
20	Pembersihan Awam- Pembersihan Longkang & Sapuan Jalan di sekitar Taman Tun Dr. Ismail (Skim11.5)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2020-1.2.2020	RM 1,237,613
21	Kerja-kerja Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Skim 15.3)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2025-1.9.2020	RM 6,306,133
22	Kerja-kerja Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Kawasan Residensi Nidoz (Skim15.3)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2025-1.6.2021	RM 391,500
23	Kerja-kerja Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Kawasan Residensi Gembira737(Skim 15.2)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2025-1.7.2021	RM 191,376
24	Kerja-kerja Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Kawasan Pangsapuri D'Nuri (Skim15.3)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2025-1.9.2021	RM167,100
25	Kerja-kerja Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Kawasan Residensi Kuchaimas (Skim15.2)	Alam Flora Sdn. Bhd.	31.8.2025-1.7.2023	RM 71,700





**KEPUASAN PELANGGAN
ADALAH MATLAMAT UTAMA KAMI**





**INNOVATIVE IDEAS,
PRACTICAL SOLUTIONS.**



MAKLUMAT KORPORAT



NAME & ADDRESS

Adam Sanitary Services Sdn. Bhd.
Suite 239-1, Jalan Selingsing 7, Off
Jalan Kuching, Taman Niaga Waris
51200 Kuala Lumpur



SHAREHOLDERS

1. Wan Teh Majid 82%)
2. Najmin Md Adam (10%)
3. Nadhrahtul Adawiyah Md Adam (4%)
4. Muhammad Faiz Md Adam (4%)



SHARE CAPITAL

Authorised: RM1,500,000
Paid-Up: RM1,500,000



DIRECTORS

1. Wan Teh Majid
2. Najmin Md Adam
3. Nadhrahtul Adawiyah Md Adam



LICENSES

MOF: 357-0002351006
MOF Bumiputera: 357-0002351006
CIDB: 0120230331-WP116569 (G4)



REGISTRATION STATUS

Registration No.: 149586-P
Date of Incorporation: 15 Januari 1986
Status: Bumiputera



AUDITORS

Secron Management Services
No. 568-9-20, 9th Floor, Kompleks
Mutiarra, 3 ½ Mile Jalan Ipoh
51200, Kuala Lumpur



COMPANY SECRETARY

Secron Management Services
No. 568-9-20, 9th Floor, Kompleks
Mutiarra, 3 ½ Mile Jalan Ipoh
51200, Kuala Lumpur



BANKERS

Hong Leong Bank Sdn Bhd



BANK ACCOUNTS

Hong Leong Bank
Current Account No: 33100007687

Adam Sanitary Services Sdn. Bhd.

(149586-P)

Suite 239-1, Jalan Selingsing 7, Off Jalan Kuching
Taman Niaga Waris, 51200 Kuala Lumpur

Tel: +603 6259 7716

Email: adamsanitary@ymail.com



Adam Sanitary
Services Sdn Bhd (1234567-A)

(TERIMA KASIH YANG BERHORMAT)